

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JULY 2016

UMNO DAN USIA 63 PRESIDEN

um- 26/7/2016



PENCAPAIAN umur 60-an bak kata Inggeris-Amerika *is no big deal*. Ini perkara biasa sahaja. Jika badan sihat dan minda masih aktif, tiada apa-apa yang boleh dianggap sebagai penghalang, walaupun dalam istilah keusiaan, lingkungan 60 tahun dianggap mencapai usia tua. Meniti usia 63 tahun, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Presiden UMNO menempuh banyak liku dan cabarannya.

Bagi lebih tiga juta ahli UMNO, mereka maklum bahawa seseorang Presiden UMNO memang sukar untuk ditandingi atau dicanggah pendapatnya. Ini kerana tradisi nilai dalaman UMNO itu sendiri yang tidak mudah mahu bertembung dengan ketua satu-nya.

Dalam konteks pengalaman UMNO sendiri, tentangan yang dimajukan oleh Tengku Razaleigh Hamzah terhadap pimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad sekitar akhir 80-an boleh dilihat sebagai satu penyimpangan nilai. Tidak pernah sebelum ini seseorang Naib Presiden parti menentang Presiden secara terang-terangan.

Awal tahun 1970-an, Tun Dr. Ismail memang ada berkrisis kecil dengan Tun Razak Hussein, lalu kedengaran gara-gara Tun Ismail hendak menentang Tun Razak. Tetapi berita itu tidak menjadi kenyataan kerana budaya hormat ketua itu amat menebal dalam kalangan pemimpin UMNO sendiri.

Kemaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam UMNO bermula 80-an dan pimpinan masa depan menjadi topik hangat kerana sistem nilai yang dibawanya ber-



NAJIB Tun Razak mencium tangan ibunya, Tun Rahah Mohamed Noah pada majlis kesyukuran sempena sambutan ulang tahun kelahiran beliau yang ke-63 di Seri Perdana, Putrajaya, kelmarin. - IHSAN FACEBOOK PERDANA MENTERI

tentangan dengan sentimen golongan *establishment* dalam UMNO. Kemaraannya yang tampak berlakon dalam parti tidak menghalang beliau mencapai tahap demi tahap dikhuatiri akan mengubah hala tuju UMNO.

Ini semua sudah mula dirasai sebagai kesan negatif kerana melalui Pergerakan Pemuda yang dipimpinnya sebelum ini dan sebagai salah seorang Naib Presidennya, budaya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang dipimpinnya cukup terasa.

UMNO waktu itu diserang oleh budaya atau sistem kader (*cadre*). Anwar melalui pengalaman politik kampus dan ABIM sibuk mewujudkan sel-sel di dalam dan luar kerajaan. Orang ABIM mulai mendapat tempat dengan kedudukan strategik diisi.

Menjelang 1998, ramai pemimpin mula teras bahawa jika topik perbualan ditumpukan kepada gara-gara Anwar di dalam parti dan kerajaan, hendaklah

berjaga-jaga kerana 'orangnya' mungkin menelinga dan melaporkan kepada ketuanya, yakni Anwar.

Lama kelamaan Anwar menjadi 'institusi politik' yang meningkatkan pengaruh dan kekuatannya. Kegiatannya masuk UMNO sebagai 'melompat masuk rumah melalui tingkap' dan bukan melalui pintu. Itu secebis sejarah pahit UMNO sehingga membawa kepada perpecahan dan krisis yang mengakibatkan parti diharamkan pada 1988.

Moralnya, tanpa kesetiaan kepada Presiden yang juga seorang Perdana Menteri, UMNO akan hancur lebur. Demikian jugalah seseorang menteri harus meletak jawatan apabila memilih tidak lagi dapat mempertahankan dasar yang diperbuat melalui pimpinan Perdana Menteri yang mengepalai sesebuah kerajaan itu.

Di Britain, misalnya sering diberitakan tentang peletakan

Demikian jugalah seseorang menteri harus meletak jawatan apabila memilih tidak lagi dapat mempertahankan dasar yang diperbuat melalui pimpinan Perdana Menteri yang mengepalai sesebuah kerajaan itu.

jawatan seseorang menteri kerajaan British itu apabila menteri berkenaan mencanggahi Perdana Menteri yang mengetuai kerajaan. Peletakan jawatan juga sering dilaporkan apabila berlaku sesuatu kes besar yang dianggap seseorang menteri itu tercabar atas prinsip ketanggungjawaban (*accountability*).

Cuma prinsip ini jarang dipatuhi walaupun ramai yang mengetahuinya. Anwar misalnya selain kes salah moral, pendapat fiskal beliau yang bertembung dengan dasar yang digariskan oleh Dr. Mahathir mengenai peranaan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan beberapa isu fiskal negara dilihat sebagai pertembungan. Penyokong Anwar semacam tidak tahan lagi menunggu giliran untuk bos mereka menjadi orang nombor satu.

Seseorang menteri yang sudah mengumumkan perbezaan pendapat tentang mana-mana dasar parti atau kerajaan, mengikut tradisi dan amalan demokrasi, harus meletak jawatan. Jika dia tidak bertindak sedemikian, dia akan menghadapi keadaan serba salah dan tidak akan berkesian mempertahankan pendirian kerajaan sama ada di luar Kabinet atau di dalam Parlimen.

Dalam usia 63 tahun, Najib memerlukan sokongan parti dan Kabinetnya untuk menongkah cabaran penuh getir di hadapan,